

Pelajar SMK Labuan timba ilmu di UMSKAL

UB 22.6.13 A7

LABUAN: Seramai 58 pelajar SMK Labuan telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) kelmarin.

Rombongan pelajar itu diketuai oleh Mishad Seruji bersama dua guru pengiring Teo Li Ping dan Zubaidah Tanggulong.

Pensyarah Kanan, Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal menyampaikan taklimat mengenai pentadbiran UMSKAL.

Katanya, UMSKAL yang diwujudkan sejak 1999, kini mempunyai 2,200 pelajar dari seluruh negara serta luar negara seperti China, Turki dan Tanzania.

Beliau yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, mengucapkan terima kasih atas kesudian pelajar SMK Labuan mengadakan lawatan sambil belajar ke universiti itu.

Geoffrey berharap pelajar cemerlang dari Tingkatan Tiga dan Lima itu akan belajar bersungguh-sungguh untuk memasuki universiti bagi menyara

keluarga pada masa akan datang.

Sementara taklimat mengenai SPKAL disampaikan oleh Penolong Pendaftar Kanan, Norhanizah Adnan. Turut hadir Pustakawan, Dg Ruhida Raflee.

Sementara itu, Mishad berkata lawatan itu untuk memberi motivasi kepada pelajar untuk melihat sendiri suasana sebenar di universiti agar mereka juga mampu memasuki menara gading satu hari kelak.

Rombongan pelajar itu dibawa melawat makmal dan pejabat SPKAL.



GEOFFREY (empat kanan) menerima cenderamata daripada Zubaidah diperhatikan Mishad (dua kiri).